

Kerajaan kekal komited pacu negara tangani impak COVID-19

Astro Awani

17 Ogos 2020

Harits Asyraf Hasnan,

PUTRAJAYA: Kerajaan kekal komited untuk membawa negara kembali kepada keadaan normal tatkala wabak COVID-19 masih membelenggu warga dunia.

Dalam ucapan sembah tahniah sempena Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Kerajaan yang dipimpinnya akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan program dan projek yang akan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara.

"Patik bersama Anggota Pentadbiran negara komited untuk membawa negara kembali kepada keadaan normal, di mana rakyat bebas bergerak, perindustrian dan perniagaan berjalan dengan lancar, hasil pertanian dan komoditi dapat dituai dan dijual, anak-anak kembali ke sekolah atau universiti untuk belajar, aktiviti sukan dan riadah dapat dilaksanakan dan sebagainya.

"Dalam hal ini, Kerajaan Kebawah Duli Tuanku akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan program dan projek yang akan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara.

"Program bagi meningkatkan lagi peluang-peluang pekerjaan, keboleh pasaran graduan dan mengutamakan rakyat tempatan akan terus dipertingkatkan.

"Keselamatan negara daripada ancaman sama ada dari dalam mahupun daripada luar juga akan terus diperkukuh. Ia selaras dengan titah Kebawah Duli Tuanku betapa penting kedaulatan pertiwi terus dijaga," katanya di hadapan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Melawati, Putrajaya hari ini.

Tambah Muhyiddin, Kerajaan juga akan meneruskan agenda memperkasakan integriti dan tadbir urus di semua peringkat pentadbiran termasuk dalam kalangan rakyat.

Selain itu, ujar beliau tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, 'Malaysia Prihatin' merupakan lambang keprihatinan Kerajaan dan semangat kebersamaan rakyat Malaysia dalam menghadapi pelbagai dugaan ketika ini.

"Semangat "Malaysia Prihatin" perlu disemarakkan untuk rakyat negara ini mengukuhkan perpaduan untuk bersama-sama mengeluarkan negara daripada ancaman pandemik COVID-19," katanya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-kekal-komited-pacu-negara-tangani-impak-covid-19-255536>